

NGO Dan Parti Komponen BN Labuan Sokong Pemilihan Calon - Muhyiddin Bernama
17 April, 2013

LABUAN, 17 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Barisan Nasional (BN) mendapat sokongan menggalakkan daripada badan bukan kerajaan (NGO) berhubung pemilihan calon muka baharu bagi kerusi Parlimen Labuan.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata sokongan itu bukan sahaja datang daripada NGO tetapi juga bekas Anggota Parlimen kawasan itu Datuk Yussof Mahal yang berjanji untuk bekerjasama bagi memastikan Labuan menyumbang satu kerusi kepada BN dalam pilihan raya umum ini.

Rosman Isli dipilih menggantikan Yussof Mahal yang telah berkhidmat selama sepenggal.

"Saya telah bertemu anggota jawatankuasa BN Labuan yang dipimpin Datuk Yunus Kurus dan semua NGO yang berjanji untuk menyokong calon muka baharu bagi memenangi pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan terminal teksi dan bas Labuan bernilai RM5.6 juta di sini Rabu.

Beliau berkata janji NGO di Labuan berhubung keputusan menggantikan bekas penyandang kerusi itu menunjukkan tidak timbul sebarang masalah di kalangan parti-parti komponen BN atau pihak-pihak tertentu.

"Sebelum keputusan itu dibuat Perdana Menteri, saya telah menghubungi Datuk Yussof Mahal dan melahirkan penghargaan atas pengorbanan dan perkhidmatannya yang cemerlang. Beliau menerima keputusan itu dan berjanji untuk bekerjasama dan menyokong calon baharu untuk memastikan kemenangan BN. Jadi ini bermakna tiada isu atau masalah," katanya.

Menjawab satu soalan, Muhyiddin berkata kerajaan BN sedar mengenai harapan rakyat terhadap kerajaan sambil menambah bahawa mereka sudah cukup matang untuk menilai kemampuan kerajaan dan tanggungjawab menjadi wakil rakyat.

"Oleh itu, adalah penting supaya pengundi memastikan kesinambungan dalam bidang pembangunan terutama bagi membolehkan Labuan terus membangun.

"Sebab itu, kerajaan memutuskan untuk memilih pemimpin muda yang berkaliber dengan kelayakan, pengalaman dan mempunyai hubungan baik dengan masyarakat bagi membolehkan kita mendapat peluang baik untuk menang pilihan raya," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942916>